

HUMS sedia khidmat klinik bergerak di Kota Belud

UB 16.08.2023 P.08

KOTA KINABALU: Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) menyediakan perkhidmatan klinik bergerak menerusi Program KRIS (KPT Prihatin Madani) di SMK Pekan II Kota Belud baru-baru ini.

Ketua Pasukan Perubatan Dr. Rishaini Elengovan, program itu memfokuskan jangkauan (outreach) kesihatan komuniti kepada masyarakat di luar bandar.

“Seramai 35 kakitangan daripada HUMS menjadi

sukarelawan, terdiri dari padapegawaiperubatan pakar, pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi dan jururawat bekerjasama sebagai sebuah kumpulan untuk menjayakan program ini.

“Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh HUMS ialah saringan, pemeriksaan asas kesihatan, perawatan kesihatan dan kebersihatan diri.

“Kami juga menyediakan konsultasi daripada pakar

kesihatan pegawai perubatan dan pemberian ubat-ubatan secara percuma turut diberikan kepada pelajar,” katanya di sini.

Menurutnya, pelajar juga boleh mendapatkan perkhidmatan runding cara pemakanan yang baik bersama sukarelawan yang terlibat.

Program berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal dan disertai seramai 250 pelajar dan penduduk sekitar.



PERIKSA: Sukarelawan HUMS membuat pemeriksaan kesihatan.